

→ BISNES

Pemandu Uber pilih Saga, Myvi

B4
27/10/16
ms-B4

→ Model kenderaan bersaiz kecil paling popular

Oleh Suffian A Bakar
suffian@bh.com.my

Kereta nasional Proton Saga dan Perodua Myvi muncul sebagai kenderaan paling popular dalam kalangan pemandu Uber di Malaysia, kata Pengurus Besar Uber Malaysia, Leon Foong.

Beliau berkata, ia sekali gus mencerminkan penggunaan kenderaan keluaran tempatan yang bersaiz kecil bagi perkhidmatan perkongsian kenderaan bukan kekangan utama kerana pelanggan lebih mementingkan aspek keberkesanan masa.

“Pemandu Uber yang menggu-

nakan kenderaan bersaiz kecil tidak berdepan masalah mendapatkan penumpang kerana apa yang lebih utama ialah tempoh masa untuk sampai ke destinasi.

“Berikutan pengguna Uber kebanyakannya tertumpu di kawasan bandar dan jarak perjalanan ke destinasi yang dituju juga agak dekat, sehubungan itu, menggunakan kenderaan bersaiz kecil, khususnya yang cekap tenaga, adalah terbaik,” katanya ketika temu bual dengan BH di Balai Berita, semalam.

Sambut baik saranan kerajaan

Foong berkata, Uber Malaysia gembira kerajaan mengiktiraf bagaimana perkhidmatan perkongsian kenderaan seperti Uber boleh memberikan impak positif kepada status sosioekonomi rakyat negara ini, khususnya segmen B40.

Beliau berkata, dengan menyediakan pilihan kepada rakyat Malaysia untuk meraih pendapatan hanya dengan menekan butang, rakan-pemandu boleh

meraih pendapatan tambahan daripada aktiviti itu.

Pada pembentangan Bajet 2017, kerajaan mengumumkan akan menggalakkan kumpulan B40, iaitu golongan berpendapatan 40 peratus terendah memanfaatkan aplikasi perkongsian kenderaan pemandu seperti Uber dan Grab.

Menurut Menteri Kewangan, Datuk Seri Najib Razak, menerusi usaha itu, pendapatan sehingga RM1,500 sebulan dapat diraih jika mereka pemandu separuh masa iaitu dalam tempoh 10 jam hingga 40 jam seminggu dan RM4,300 jika melebihi 40 jam seminggu.

Rebat Proton Iris

Bagi mereka yang tidak mempunyai kenderaan pula, wang Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) boleh digunakan sebagai bayaran pendahuluan untuk membeli Proton Iriz, dan mereka akan turut menerima rebat sebanyak RM4,000.

Menurut Foong, pengumuman Bajet 2017 yang menggalakkan penerima BR1M menyertai per-

khidmatan perkongsian kenderaan seperti Uber adalah langkah tepat dan pihaknya menyambut baik saranan kerajaan itu.

“Malah, pemilihan Proton Iriz juga dilihat sangat ekonomikal memandangkan ia adalah kenderaan kompak cekap tenaga dan sesuai digunakan di kawasan bandar,” katanya sambil meñambah harganya juga berpatutan.

Foong berkata, setakat ini, jumlah pemandu Uber separuh masa mewakili 80 peratus daripada jumlah keseluruhan pemandu yang berdaftar dan aktif menjalankan perkhidmatan itu.

Beliau berkata, lebih ramai yang menyertai perkhidmatan perkongsian kenderaan adalah lebih baik kerana ia dapat memendekkan lagi tempoh pelanggan menunggu.

“Ada puluhan ribu rakan-pemandu Uber di luar sana di Malaysia hari ini yang menyaksikan tempoh purata menunggu dikurangkan kepada hanya empat minit,” katanya.



Uber Malaysia gembira kerajaan mengiktiraf bagaimana perkhidmatan perkongsian kenderaan seperti Uber boleh memberikan impak positif kepada status sosioekonomi rakyat negara ini, khususnya segmen B40”

Leon Foong,
Pengurus Besar Uber Malaysia